

13/10/2003

Dr M tidak boleh bersara (HL)

Hishamuddin Aun

ISLAMABAD: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu terus menyumbang kepada negara dan dunia Islam kerana kedudukannya menghampiri `harta awam' tidak memungkinkan beliau bersara sepenuhnya akhir bulan ini, kata Presiden Pakistan, Jeneral Pervez Musharraf.

Katanya, sumbangan Perdana Menteri amat diperlukan pada ketika Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) wajar disusun semula untuk menjadikannya lebih dinamik, berwibawa dan berorientasikan keputusan.

"Saya tidak fikir Dr Mahathir boleh bersara, apatah lagi dengan personaliti sepertinya, kerana beliau sudah menjadi seperti `harta awam'. Beliau tidak boleh bersara, (sebaliknya) perlu terus memberi sumbangan," katanya dalam temu bual eksklusif selama 50 minit dengan Ketua Pengarang Kumpulan merangkap Pengarah Eksekutif The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, di Rawalpindi dekat sini, semalam.

"Sebagai seorang yang berkedudukan pada kaca mata masyarakat dunia, beliau lebih berpotensi untuk menyumbang kepada dunia Islam," katanya ketika ditanya pandangannya mengenai peranan yang boleh dimainkan Dr Mahathir selain desakan ramai pemimpin negara Islam supaya Perdana Menteri terus menjadi suara mewakili dunia Islam, apatah lagi mereka sendiri tidak berupaya berbuat demikian.

Musharraf, yang akan berlepas esok untuk menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara OIC Ke-10 di Putrajaya, pertemuan ketiganya dengan Dr Mahathir di Malaysia dalam tempoh 12 bulan, berkata beliau kecewa dengan negara Islam yang mengehendkan sumbangan mereka kepada hanya kata-kata berbanding tindakan.

Katanya, keadaan itu jelas dibayangkan oleh ketidakupayaan OIC untuk membayar gaji kakitangannya pada ketika tertentu sedangkan negara Islam diketahui kaya dengan pelbagai sumber.

Dalam memperjelaskan keperluan OIC disusun semula, Musharraf menyarankan agar setiap negara Islam menyumbang sebahagian kecil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masing-masing kepada pertubuhan itu agar ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Beliau memberikan contoh OIC akan memiliki dana AS\$1.2 bilion (RM4.56 bilion) jika negara Islam menyumbang 0.1 peratus KDNK mereka berdasarkan anggaran KDNK umat Islam berjumlah kira-kira AS\$1,200 bilion (RM4,560 bilion).

"Saya percaya kita harus mengagihkan peratus tertentu KDNK. Sekalipun jika negara Islam bersedia menyumbang hanya 0.05 peratus KDNK, jumlahnya akan mencapai AS\$600 juta (RM2.28 bilion).

"Mereka mempunyai wang. Sekalipun hanya 0.02 peratus, antara AS\$200 juta (RM760 juta) hingga AS\$300 juta (RM1.14 bilion) dapat dihimpun," katanya dalam temu bual itu yang turut dihadiri Setiausaha Kementerian Penerangan dan Penyiaran Pakistan, Syed Anwar Mahmood, dan Pengarah Perhubungan Awam Presiden, Lt Kol Hassan Immad Mohamedi.

Dalam pada itu, Musharraf mengakui negara anggota OIC akan hanya membuat sumbangan kewangan kepada pertubuhan itu jika meyakini pulangan baik kerana lazimnya itulah yang diharapkan daripada sesuatu `pelaburan'.

"Barangkali mereka tidak melihat pulangannya sekarang. Lantaran itu, saya berpandangan bahawa struktur OIC perlu diubah bagi menjadikannya lebih dinamik dan berorientasikan keputusan agar ramai yang terdorong untuk menyumbang kerana pulangannya nanti akan turut dinikmati mereka,"

katanya.

Mengenai Islam, Musharraf berkata perpaduan dan penggabungan pada abad ke-21 ini lebih condong kepada geo-ekonomi - sektor ekonomi dan perdagangan di kalangan ummah.

Ketika ini, katanya, hanya wujud dua peratus perdagangan di kalangan ummah sedangkan perdagangan dan perniagaan benar-benar menghubungkan negara manakala pandangan serong terhadap Islam perlu diperbetul.

Beliau merumuskan dunia mempunyai empat masalah dengan Islam, antaranya mereka berpendapat barangkali Islam menggalakkan ekstremisme, militan dan tidak bertimbang rasa, Islam berkonflik dengan demokrasi serta kononnya Islam berkonflik dengan sekularisme dan moralisme.

"Masalahnya ialah kita harus melihat kepada diri sendiri daripada kecenderungan menyalahkan orang lain. Pada ketika kita sepatutnya menyedarkan ramai terhadap Islam, sebaliknya apa yang kita tunjukkan kepada dunia adalah berlawanan," katanya.

Ditanya masalah ulama yang berpandangan tidak selari dengan kepentingan agama dan yang mengeksploitasi Islam untuk tujuan politik, Musharraf berkata tiada siapa harus mendakwa bahawa dia adalah seorang Muslim lebih baik daripada yang lain.

"Hanya Allah mengetahui siapakah Muslim yang lebih baik, tambahan pula ada huqooq Allah (fardu ain) dan huqooq al ibad (fardu kifayah). Mereka ini hanya mengutamakan fardu ain dan bahagian yang lebih payah, iaitu fardu kifayah, diabaikan," katanya.

Hubungan panas-dingin Islamabad dan New Delhi turut dihuraikan dengan panjang lebar dalam temubual itu, termasuk langkah India memberikan status 'negara keutamaan' kepada Pakistan.

Mengulas perkara itu, Musharraf berkata proses damai dan penyelesaian pertikaian antara kedua-dua negara harus meliputi semua isu berbangkit dan bukan secara beransur-ansur yang tidak akan mempermudah keadaan.

Diminta mengulas perjanjian India dengan Russia dan Israel untuk mengeluarkan pesawat AWAC dan senjata lain, Musharraf bertegas untuk mempertahankan situasi 'tiada siapa menang' dengan India.

"Terdapat situasi 'no-win' (tiada siapa menang) ketika ini. Itulah keadaannya selama ini, dalam sejarah kedua-dua negara. Kami akan mengekalkan situasi 'no-win' ini walau apa pun terjadi dan baik dunia mahupun India harus ambil maklum.

"Mereka sudah mencapai persetujuan (berhubung pengeluaran AWAC) dan kami akan melawannya. Itulah yang perlu diperjelaskan. Kami tidak sekali-kali akan membenarkan situasi 'no-win' ini daripada diganggu-gugat," katanya.

Sambil mendakwa India sengaja melengahkan penyelesaian isu Kashmir, Musharraf yang berseloroh beliau sudah kehabisan ikhtiar, turut mengingatkan Vajpayee bahawa kesabaran Pakistan juga ada hadnya.